

05/02/2000

Ubi kayu beri harapan kepada pesakit barah

Maarop Md Noh

PENEMUAN sejenis kimia daripada ubi kayu yang dikatakan boleh mengubat penyakit barah, sesuatu yang cukup menggembirakan penghidap barah. Walaupun kimia yang ditemui itu belum disahkan secara mutlak boleh menyembuhkan penyakit barah, namun ia tetap memberikan harapan baru kepada penghidap dan penderita penyakit itu. Bagi kebanyakan penghidap penyakit kronik itu penemuan ini boleh disamakan dengan Viagra yang dikatakan boleh menyembuhkan penyakit mati pucuk kepada berjuta lelaki di dunia.

Lazimnya, setiap penghidap penyakit barah tersepit antara harapan untuk terus hidup atau menemui ajal pada bila-bila masa saja. Biasanya seseorang disahkan menghidap penyakit itu akan menghadapi penderitaan kerana sakit, tetapi juga diburu perasaan gelisah dan sayu.

Pada mereka, maut sudah menunggu di setiap penjuru pintu nafas mereka. Seperti penyakit mati pucuk, hanya penghidap barah itu sendiri dan keluarga tersayang saja yang tahu penderitaan dan seksa barah. Sehingga kini belum ada ubat yang boleh dikategorikan secara mutlak mujarab menyembuhkan penyakit barah.

Rawatan biasa di hospital seperti kemo terapi, radio terapi atau elektron terapi juga belum menjamin kemujarabannya. Ramai yang lebih menderita selepas menerima rawatan malah ramai juga yang menemui ajal. Matlamat rawatan yang lazim digunakan sekarang untuk menyembuhkan penyakit, tetapi untuk membunuh sel barah yang merosakkan tisu badan. Apa yang dikatakan sebagai penyembuhan daripada rawatan ini sebenarnya adalah pemulihan ketahanan diri (immunity).

Bagaimanapun, seseorang yang menjalani rawatan kemo terapi dan rangkaiannya akan menghadapi tekanan berat untuk sembuh disebabkan ketahanan dirinya terlalu lemah akibat menjalani rawatan. Usaha pemulihan mengambil masa yang cukup lama. Ada sesetengah pesakit menjalani rawatan ulangan bertahun-tahun. Kesulitan dan penderitaan selepas rawatan ini menyebabkan ramai pesakit barah enggan membuat rawatan ulangan.

Selain itu, kos rawatan terutama jika pesakit menjalani rawatan di hospital swasta juga cukup tinggi. Sepanjang rawatan pesakit melalui suasana yang tidak tenteram; mereka keluar daripada suasana ceria masuk ke dalam terowong gelap kehidupan yang cukup mengharukan. Tiada sebarang jaminan mereka akan sembuh, malah ada pesakit yang merasakan lebih derita menghadapi rawatan berbanding menghidap penyakit itu sendiri. Ramai yang enggan mengulangi rawatan lanjutan disebabkan tekanan perasaan.

Tidak seperti penghidap penyakit kencing manis, darah tinggi dan pelbagai lagi yang boleh dirawat dengan menelan pil, rawatan terhadap pesakit barah cukup membosankan. Justeru, setiap pesakit mengharap ada sejenis ubat yang boleh menghilangkan penderitaan rawatan untuk mereka. Sehubungan itu, apabila Universiti Newcastle di England dan Madrid di Sepanyol menemui penawar barah pada ubi kayu ia cukup menggembirakan. Walaupun penemuan itu masih pada peringkat awal, namun seperti Viagra, penemuan kimia linamarin dan enzim linamares pada ubi kayu diharapkan sebagai pemangkin kepada kejayaan merawat dan menghapuskan barah daripada kehidupan manusia.

Sebelum ini memang banyak penyelidikan yang dijalankan, terutama oleh Institut Barah Kebangsaan Amerika Syarikat (NCI), namun kesannya secara mujarab belum ditemui. Rawatan membunuh tumor menerusi resapan kemo terapi yang diperkenalkan beberapa tahun lalu, walaupun menyeksakan terpaksa diteruskan. Sehingga kini hanya kaedah itu saja yang boleh menyekat

pembesaran tumor barah.

Pada April 1998, NCI mengumumkan penemuan sejenis dadah yang dinamakan tamoxifen dan raloxifene. Dadah ini dikatakan cukup berkesan untuk mengekang barah payu dara. Selepas penemuan dua jenis dadah itu, NCI dikatakan mengadakan uji kaji dua jenis dadah lagi dan mendapatinya lebih berkesan. Kedua-dua jenis dadah itu adalah angiostatin dan endostatin. Bagaimanapun sehingga kini kedua-dua dadah itu hanya berjaya menyembuhkan barah pada tikus. Ia belum diuji kepada manusia. Justeru, pakar penyelidikan barah di NCI belum berani mengesahkan keberkesanan kedua-dua dadah terbabit.

"Sejarah penyelidikan untuk mencari ubat barah sama lamanya dengan usaha menguji pelbagai jenis dadah kepada tikus. Kita mungkin berjaya menyembuhkan tikus daripada barah, tetapi kita belum berjaya kepada manusia," kata Dr Richard Klausner Ketua Pengarah Institut Barah Kebangsaan Amerika Syarikat.

Berdasarkan kenyataan Dr Richard Klausner itu, pakar perubatan pula menganggarkan penyiasatan lanjut perlu dijalankan sekurang-kurangnya sepuluh tahun lagi dan memerlukan kira-kira AS400 juta (RM1.5 bilion) setahun. Ini bererti dadah baru yang diharapkan memberi harapan manis untuk menyembuhkan barah itu belum boleh dijamin kemujarabannya.

Barangkali inilah juga yang akan dialami oleh Prof Monica Hughes dari Universiti Newcastle dari Britain dan beberapa penyelidik dari Universiti Madrid di Sepanyol. Prof Monica Hughes yang begitu bersungguh-sungguh berbakti untuk mencari penawar mujarab kepada penyakit kanser menguji kaji beberapa jenis ubi kayu atau dalam bahasa saintifiknya cassava itu, menemui sejenis kimia linamarin dan enzim linamarase.

Menurut Prof Monica, linamarin mengeluarkan hidrogen sinida apabila ia dipecah oleh enzim linamases. Enzim ini diperolehi daripada batang ubi kayu yang sedang bertunas. Apabila tunas itu disentuh oleh sebarang serangga, enzim linamases akan menyerang mereka. Penemuan baru ini mendorong pakar penyelidikan penawar kanser untuk mencuba kimia daripada ubi kayu itu kepada manusia.

Mereka berpendapat, kimia yang boleh melindungi tunas ubi kayu itu mungkin mujarab untuk mengubati kanser. Pendapat ini berlandaskan penyelidikan yang menemui ramai orang memakan ubi kayu, kadang-kadang terkena keracunan makanan, terutama jika tidak diurus dengan sempurna. Kepada penyelidik, tentu ada keistimewaan tersendiri yang boleh digarap daripada ubi kayu.

Walaupun penyelidikan itu masih di peringkat awal tetapi keyakinan kepada ubi kayu itu sesuatu yang cukup menarik. Sebelum ini ubi kayu yang menjadi makanan utama hampir 500 juta penduduk di negara membangun, khususnya Asia dianggap tidak begitu berguna kepada penyelidik Barat. Selain ubi kayu bukan makanan harian, mereka mungkin memandang rendah sesuatu yang wujud di negara membangun.

Bagaimanapun dengan mengetepikan prejudis itu, penemuan kimia linamarin dan linamases akan mengangkat martabat ubi kayu daripada makanan murahan kepada makanan istimewa. Selain itu, penemuan itu juga mencabar kewibawaan saintis perubatan negara ini. Seperti dimaklum, ubi kayu tumbuh subur dan menjadi makanan penting penduduk negara ini. Malah ketika Jepun menduduki Tanah Melayu pada 1943-45, penduduk negara ini meneruskan hidup dengan memakan ubi kayu. Selain ubinya, pucuknya juga menjadi kegemaran masyarakat Melayu memakannya.

Tetapi oleh kerana masyarakat tidak pernah didedahkan kepada penemuan yang menarik itu, mereka tidak mengetahui ubi yang menjadi makanan sampingan kini mempunyai nilai perubatan yang tinggi. Meneliti perkembangan ini, Allah sudah pun menjelaskan dalam Surah Ali Imran ayat 191 (maksudnya): "Wahai Tuhan kami, tiadalah Engkau ciptakan sesuatu ini

sia-sia. Maha Suci Engkau maka peliharalah kami daripada seksa neraka."

Kita rasa terpanggil untuk mengajak penyelidik tempatan supaya lebih berani mengadakan penerokaan sains perubatan dan penyelidikan untuk menghasilkan penemuan sendiri. Jika boleh kita cuba elakkan daripada terlalu bergantung kepada penyelidikan orang lain untuk meneruskan hidup.

Sebagai sebuah negara berwawasan, pakar perubatan di Malaysia patut mengikuti jejak rakan mereka di negara maju mengadakan penyelidikan yang lebih berani, terutama kepada bahan tempatan.

Sudah tiba masanya, pakar tempatan menentang tempurung bergantung kepada sumbangan luar dengan memberi lonjakan intelektual membantu perubatan dunia. Lebih-lebih lagi apabila mendalami maksud hadis yang berbunyi, "Tangan yang di atas itu lebih mulia daripada tangan yang di bawah."

Kita perlu melahirkan sesuatu yang lebih besar seperti yang pernah dilahirkan oleh pakar perubatan pada zaman kegemilangan Islam. Kita perlu melahirkan Ibnu Sina dan Ibnu Rusyd dalam perubatan. Jika 800 tahun lalu Islam melahirkan pelbagai penemuan sehingga ia menjadi tarikan pembentukan tamadun dunia, tentulah dengan kecanggihan teknologi sekarang umat Islam membuat sesuatu kejutan yang lebih besar.

Walaupun kini ada penyelidikan, terutama kepada hidupan laut yang dinamakan gamat, tetapi ia tidak begitu mencukupi. Banyak lagi bahan dan tumbuhan serta hidupan di negara ini yang belum diselidiki. Misalnya, penyelidikan Barat menemui pokok mengkudu sebagai mempunyai unsur perubatan, pokok lidah buaya, serai wangi dan paling baru pokok bentangur di Sarawak, tetapi kita belum terkedepan, sedangkan semua pokok ini tumbuh subur di negara ini.

Sebelum ini orang luar menemukan bahan perubatan daripada pokok lidah buaya (aloe vera) dan sejenis pokok bakau yang dikenali sebagai tea tree (dijadikan tea tree oil). Begitu juga kita perlu mengadakan penyelidikan terhadap daun sirih yang menjadi ramuan penting perubatan tradisional. Selain sirih banyak lagi tumbuhan di negara ini yang perlu dinilai semula untuk faedah kesihatan dan bermanfaat kepada manusia.

Antaranya, buah limau, buah pinang, jering, petai, kerdas, senduduk, air kelapa, jambu batu, pokok halban, temu, cekur, segala jenis kunyit, daun gelenggang jantan (kasar untuk panau) dan betina (halus untuk kurap), daun sedingin, halia bara, daun betik, pucuk mengkudu, akar dan daun tuba, ubi bemban (untuk kayap), akar patawali, misai kucing, segala jenis puding, jarum emas, daun bunga raya, pokok dukung anak dan daun jenjuang.

Begitu juga mesti ada sesuatu yang istimewa pada bawang putih, lada hitam, cengkih, kayu manis, pokok kapur barus, daun kekabu (ubat kembung), daun kecubung, beras goreng, cekarau, rumput jalan kedah, rumput sarut, akar dedawai, ubi jaga, akar telinga gajah (resdung), buah kembang semangkuk, tongkat ali, daun sisik bumi, daun kekaras (Peking Grass), buah nipah, daun lelipan (dikenali juga rumbai Sulaiman), daun ketumbit, resam (demam panas), daun ribu-ribu, kulit pokok bunga tanjung, akar ara (ubat sembelit) dan banyak lagi yang tersembunyi dalam gedung perubatan tradisional Melayu.

Kini di tengah kebangkitan perniagaan herba ada baiknya penyelidikan lebih saintifik dijalankan kepada herba ini supaya ia setanding jika pun tidak menandingi perubatan moden. Pakar perubatan negara ini perlu membuktikan institusi perubatan di Malaysia tidak hanya mengharap hasil penyelidikan orang lain. Sebaliknya mereka juga ikut menyumbang kepada mengeluarkan hasil penyelidikan negara ini.

Dalam hal ini, saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat negara ini lebih berani meneroka sesuatu yang baru adalah wajar dituruti. Kita adalah satu bangsa yang maju dan jangan perendahkan martabat kita dengan hanya berpuas hati sebagai pengguna. Tetapi bangun sebagai penyumbang yang berwibawa. Lebih-lebih lagi kejayaan Malaysia

mengatasi masalah ekonominya, tanpa bergantung kepada pakar luar mendapat pujian negara maju sendiri.

Jika Malaysia berjaya mengeluarkan produk perubatannya sendiri yang lebih bermutu dan berjaya menemui penyembuh kanser yang lebih mujarab, apakah tidak mungkin perang kanser yang dilancarkan Presiden Nixon pada 1971 dapat ditamatkan dengan ubat dari negara ini? Dan sebagai seorang daripada 200,000 penghidap barah di negara ini, penemuan kimia linamarin dan enzim linamares daripada ubi kayu yang dengan mudah tumbuh di negara ini ikut merasakan kembali keceriaan hidup.

(END)